

**TEKS UCAPAN**  
**YB MENTERI KERJA RAYA**  
**SEMPENA PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BARU SEREMBAN**  
**(BANDAR AINSDALE) & PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN SEMPENA**  
**AIDILFITRI 2015**  
**PADA 10 JULAI 2015**

---

Bismillahirahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera  
Salam Satu Malaysia

YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan,  
Menteri Besar Negeri Sembilan

Tan Sri Dato' Mohd Sheriff Mohd Kassim  
Pengerusi PLUS

YBhg Dato Sri Zohari Bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Ybhg Dato' Haji Mat Ali Bin Hassan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Ybhg Dato' Ir Haji Ismail Bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Dif-dif kehormat, penduduk-penduduk Seremban dan kawasan sekitarnya, para jemputan, wakil-wakil media dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS yang telah sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Persimpangan Bertingkat Baru Seremban yang akan dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale selepas ini. Saya juga turut gembira di atas kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Mohammad Bin Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan yang turut hadir pada hari yang bersejarah ini. Kehadiran beliau menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membangunkan infrastruktur Negeri Sembilan secara keseluruhannya.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan serta pegawai-pegawai Kerajaan Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan Al Mubarak ini. Saya mendoakan agar kita semua diberkati oleh Allah s.w.t.
3. Pada hari ini tercatat satu lagi sejarah, di mana projek Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale ini yang dirancang oleh Kerajaan telah siap sepenuhnya untuk kegunaan rakyat. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 2 April 2012 dan berjaya disiapkan mengikut jadual pada 30 Jun 2015.

Projek ini telah dapat dilaksanakan dengan lancar hasil daripada kerjasama yang erat antara agensi Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Oleh itu dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan Negeri Sembilan terutamanya YAB Menteri Besar dan barisan kepimpinan Negeri Sembilan. Begitu juga pihak Sime Darby yang menyerahkan sebahagian tanah milik mereka untuk merealisasikan persimpangan bertingkat ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS Malaysia serta agensi-agensi Kerajaan yang lain yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menyiapkan Persimpangan Bertingkat ini. Pembukaan persimpangan ini sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri akan memberi keselesaan kepada para pengguna Lebuhraya Utara-Selatan yang hendak keluar ke bandar Seremban.

#### **PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BARU SEREMBAN**

Hadirin sekalian,

4. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuh raya yang kemas, efisien yang digerakkan secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan kesan ampuh dan jelas. Nyata, penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuh raya. Tidak boleh dinafikan, pembangunan lebuh raya memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan harta tanah, perindustrian dan perbandaran. Jadi, secara tidak langsung, ia memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat.

5. Kejayaan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan merupakan antara “success story” perancangan Kerajaan dalam memodenkan sektor infrastruktur negara. Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan adalah bukti visi Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur bertaraf antarabangsa kepada rakyat jelata serta telah memberikan impak positif kepada pembangunan negara.

Saudara-saudari sekalian,

6. Persimpangan bertingkat ini juga bakal bertindak sebagai laluan alternatif bagi pengguna yang hendak ke Bandar Seremban. Secara tidak langsung, ia juga akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di laluan utama Lebuhraya Utara-Selatan. Sebelum ini, pengguna Lebuhraya Utara-Selatan yang hendak ke Bandar Seremban terpaksa berhadapan dengan kesesakan yang agak kritikal disebabkan masalah *back-flow* dari Plaza Tol Seremban sedia ada. Saya percaya pembukaan Persimpangan Bertingkat Baru Seremban ini akan dapat mengurangkan masalah kesesakan yang terpaksa ditempuhi oleh para pengguna sebelum ini.

7. Untuk makluman hadirin sekalian, Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale ini dilengkapi dengan sebuah plaza tol berkapasiti 12 lorong iaitu 7 lorong keluar dan 5 lorong masuk termasuk lorong elektronik. Persimpangan ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tandas awam, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain untuk memberi keselesaan kepada orang ramai.

### **PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN**

Hadirin sekalian,

8. Walaupun kita mempunyai lebuh raya dan jalan raya bertaraf dunia, apa yang kita kesalkan ialah jumlah kemalangan jalan raya yang amat membimbangkan kita. Tidak berbaloi jika kita memiliki lebuh raya dan jalanraya kelas pertama tetapi disebabkan sikap sesetengah pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan, membawa kepada berlakunya kemalangan sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa. Dari rekod dan analisa yang dibuat, faktor manusia merupakan penyumbang terbesar yang menyebabkan berlakunya kemalangan iaitu melebihi 80%. Ini diikuti oleh faktor-faktor lain seperti kejuruteraan jalan dan mekanikal kenderaan.

9. Pihak Kementerian Kerja Raya amat perihatin terhadap keselamatan pengguna-pengguna lebuh raya. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, lokasi-lokasi kejadian kemalangan pada kebiasaanya merupakan kawasan yang mempunyai kekangan dari segi teknikal. Oleh itu, Kementerian tetap memberikan tumpuan yang

besar melalui perlaksanaan langkah-langkah pemberian ke atas lokasi-lokasi yang mempunyai data kemalangan yang tinggi dan ianya menjadi salah satu Petunjuk Prestasi Utama atau KPI Kementerian. Sejumlah RM22 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pemberian di 63 lokasi di pelbagai lebuh raya sejak tahun 2010 hingga 2014. Dari segi kemalangan selepas pemberian dibuat, semua lokasi telah berjaya mengurangkan kejadian kemalangan sehingga melebihi 50%. Ini membuktikan keberkesanan langkah-langkah pemberian yang dilaksanakan.

10. Syarikat konsesi juga telah menaik taraf lebuh raya bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan seperti menukar penghadang jambatan dan rel adang kepada yang lebih selamat, penggunaan turapan jenis ‘micro surfacing’, ‘porous asphalt’, penambahan peralatan ‘safety measure’ seperti pemasangan papan tanda LED, ‘flashing amber’, ‘transverse bar’, ‘rolling barrier’ dan banyak lagi.

11. Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, Kerajaan telah mengeluarkan **arahan henti kerja (stop order work)** di lebuh raya kecuali bagi kerja-kerja kritikal sahaja **untuk tempoh 16 hari iaitu bermula dari 11 Julai 2015 sehingga 26 Julai 2015**. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuh raya yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan.

12. Pada masa yang sama, **pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat** di jalan dan lebuh raya akan dikuatkuasakan oleh pihak **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** selama 4 hari iaitu pada **15 dan 16 Julai 2015, serta 25 dan 26 Julai 2015** kerana **dijangka akan berlaku peningkatan trafik pada hari-hari tersebut**.

13. Selain itu, Syarikat konsesi lebuh raya telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut untuk mengurangkan kesesakan dan memastikan keselamatan pengguna terjamin melalui langkah-langkah antaranya:-

- Menyediakan Nasihat Waktu Perjalanan (Travel Time Advisory) untuk pengguna Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur;
- Menempatkan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalulintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan kawalan trafik dan keselamatan;
- Mengaktifkan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuh raya yang sesak dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
- Membuka semua lorong termasuk menyediakan lorong tambahan di plaza tol untuk mempercepatkan transaksi tol;
- Menempatkan kren dan kembalik (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan; dan

- Menyediakan pasukan tindakan kecemasan terdiri dari pasukan Bomba, Ambulans, JPAM, St John Ambulans dan lain-lain di kawasan rehat dan rawat yang terpilih.

14. Bagi menyambut kehadiran Hari Raya Aidilfitri ini, terdapat ramai di kalangan kita ini yang akan memandu untuk pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing. Kita menjangkakan akan berlaku pertambahan trafik harian pada musim perayaan ini sebanyak 30% iaitu 1.5 juta kenderaan sehari pada waktu puncak akan berada di atas lebuhraya PLUS berbanding jumlah trafik harian.

15. Justeru saya menyeru semua pengguna jalan raya dan lebuhraya, pandulah dengan berhemah dan patuhilah peraturan jalan raya yang telah ditetapkan bagi mengurangkan statistik kemalangan jalan raya sekaligus menjadikan musim perayaan kita sesuatu yang diraikan dan bukannya untuk bersedih akibat kemalangan yang menimpa. Hasrat kerajaan untuk mengurangkan kemalangan tidak akan tercapai tanpa sokongan dan dokongan dari tuan-tuan dan puan-puan. Oleh itu sama-sama kita membentulkan tekad dan berusaha bagi mengurangkan kejadian kemalangan akibat dari sikap dan kealpaan kita sendiri.

Hadirin sekalian

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, PLUS, Sime Darby dan semua pihak yang terlibat dalam projek ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Persimpangan Bertingkat Baru Seremban yang akan dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale selepas ini dan Kempen Keselamatan Sempena Aidilfitri 2015.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih